

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, November 26, 2018 8:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM Akan Lebih Moden Dan Interaktif



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

26 NOVEMBER 2018 / 18 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar okeh: Muhammad Shamsul Shafie

MAJLIS KONVOKESYEN KE-32 UUM AKAN LEBIH MODEN DAN INTERAKTIF



UUM ONLINE: Hampir dua minggu Majlis Konvokesyen Ke-31 Universiti Utara Malaysia (UUM) menutup tirainya, namun jasa dan sumbangan tenaga kerja di belakang tabir yang memastikan kejayaan dan kelancaran majlis bersejarah itu tidak pernah dilupakan.


Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, bukan mudah untuk menjayakan majlis yang dihadiri lebih 20,000 orang itu, namun berkat kerja kuat semua petugas telah membuktikannya dengan kelancaran majlis yang berlangsung selama lima hari itu.

"Saya berharap pada tahun hadapan akan lebih baik lagi dan saya akan pastikan pengisian agenda yang lebih hebat dan membuat penambahbaikan dari aspek input dan idea baharu di sepanjang majlis itu nanti.

"Majlis Konvokesyen Ke-32 pada tahun hadapan, saya berharap untuk menonjolkan lebih banyak teknik moden, canggih dan lebih interaktif supaya majlis ini akan meninggalkan kenangan kepada semua," katanya pada Majlis Sekalung Budi dan Penghargaan Kepada Petugas Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM di Panggung Eksperimen, Dewan Mu'adzam Shah, tengah hari tadi.

Tambah beliau, majlis konvokesyen tahun ini juga melakar sejarah apabila Raja Muda Kedah Darul Aman telah dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UUM baharu.

Katanya, beliau berharap UUM akan terus cemerlang bukan sahaja di peringkat nasional, malah di peringkat Antarabangsa, hasil usaha gigih warga universiti.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.